



Peningkatan Kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% kepada 8% dan Perluasan Skop Perkhidmatan Bercukai

Sesi bersama Kontraktor- Kontraktor TM

6 Mei 2024

Group Procurement, Finance SSO & Tax Unit
Tarikh Dokumen: 2 Mei 2024
Dikemas kini: 6 Mei 2024

KANDUNGAN

- > Ringkasan Eksekutif
- > Objektif
- > Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Perkhidmatan Bercukai
- > Menangani Isu Pelaksanaan
- > Panduan Peralihan bagi Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8%



RINGKASAN EKSEKUTIF

PERUBAHAN UNDANG-UNDANG

Pada Bajet 2024 bertarikh 13 Oktober 2023, kadar Cukai Perkhidmatan telah diumumkan akan meningkat dari 6% kepada 8% bagi semua perkhidmatan bercukai, kecuali perkhidmatan yang berikut:

1. Makanan & Minuman
2. Perkhidmatan Telekomunikasi
3. Perkhidmatan Letak Kereta
4. Perkhidmatan Logistik (perkhidmatan bercukai yang baru) – termasuk penghantaran barang kecuali penghantaran makanan dan minuman.

Kadar peningkatan ini telah berkuat kuasa bermula pada **1 Mac 2024**.

Bermula pada **26 Februari 2024**, Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 8% berdasarkan Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024 yang telah dikeluarkan pada 23 Februari 2024.



RINGKASAN EKSEKUTIF

OBJEKTIF

1. Untuk memaklumkan vendor–vendor Kumpulan TM berkenaan perluasan skop cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai seperti berikut:

Kumpulan J – Perkhidmatan Logistik kecuali yang berkaitan dengan Makanan & Minuman & Kumpulan G – **Perkhidmatan Penyelenggaraan atau Pembaikan**

2. Untuk memastikan cukai yang dikenakan oleh Pembekal Perkhidmatan adalah betul terutamanya semasa fasa transisi dari era 0% atau 6% kepada 8%.

CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

A. Perkhidmatan Penyenggaraan Pencegahan (Preventive maintenance) adalah aktiviti penyenggaraan yang dirancang untuk mencegah daripada berlakunya kerosakan. Perkhidmatan penyenggaraan ini dilaksanakan secara rutin, berjadual atau berkala (Para 18)

B. Perkhidmatan Penyenggaraan Pembetulan (Corrective maintenance) adalah bersifat kecemasan, ad hoc, upon request atau tidak berjadual. (Para 19)

Manakala **Perkhidmatan Pembaikan** adalah proses mengembalikan sesuatu produk kepada keadaan asal atau lebih baik dengan cara menggantikan barang yang rosak atau menambah baik spesifikasi sedia ada. (Para 20)


Bagi tujuan cukai perkhidmatan, aktiviti – aktiviti disenaraikan dibawah termasuk di dalam kategori penyenggaraan Pembaikan (Corrective Maintenance) atau perkhidmatan pembaikan:

- i. Penentukuran (Calibrate)
- ii. Penyesuaian (adjustment)
- iii. Pemulihan semula (recondition)
- iv. Susun semula (reconfigure)
- v. Baik pulih (overhaul)

*** senarai di atas adalah tidak terhad

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERDAFTAR

Bagi tujuan pendaftaran di bawah ACP 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan hendaklah membuat pengiraan ke atas jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan semasa dan sebelas bulan ke hadapan. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dimohon tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya. (Para 24)



Pendaftaran mula berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2024 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(3), ACP 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Ogos 2024. (Para 25)

KADAR CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERKHIDMATAN BERCUKAI

Kumpulan	Perkhidmatan yang Diperolehi	Kadar CP Lama	Kadar CP Baharu (Berkuatkuasa 1 Mac)
Perkhidmatan Bercukai yang Sedia Ada			
I	Perkhidmatan Telekomunikasi	0%	0%
-	Pemasangan Infrastruktur Telekomunikasi	0%	0%
-	Peralatan Telko & perkakasan lain yang diperolehi dari Peniaga ("Traders")	0%	0%
-	Pengimportan Barang-barang	10%	10%
G	Perkhidmatan Digital	6%	8%
G	Perkhidmatan Pengurusan	6%	8%
G	Teknologi Maklumat	6%	8%
G	Perundingan	6%	8%
G	Perkhidmatan Latihan	6%	8%
I	Pengiklanan	6%	8%
G	Perkhidmatan Profesional	6%	8%
G	Perkhidmatan Keselamatan	6%	8%
A	Penginapan Hotel	6%	8%
C	Pusat Kesihatan	6%	8%
D	Kelab Persendirian	6%	8%
E	Kelab Golf & Padang Golf	6%	8%
I	Polisi Insurans/Takaful	6%	8%
I	Ejen di bawah Seksyen 90 Akta Kastam	6%	8%
I	Penyelenggaraan Kenderaan	6%	8%
I	Perkhidmatan Pos - diluluskan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012	6%	8%
I	Tempat Letak Kenderaan	6%	6%
Perkhidmatan Bercukai yang Baharu			
J	Perkhidmatan Logistik kecuali berkaitan dengan Makanan & Minuman	-	6%
G	Perkhidmatan Penyelenggaraan atau Pembaikan	6% or 0%	8%

Makluman: Kod Cukai dalam Bil TM kepada Pelanggan - ST (Cukai Perkhidmatan pada 6%); S8 (Cukai Perkhidmatan pada 8%)
 Kod Cukai Pembelian - B6 (Cukai Perkhidmatan dibayar pada 6%); B8 (Cukai Perkhidmatan dibayar pada 8%)

MENANGANI ISU PERLAKSANAAN

Isu-Isu

Perluasan Skop Cukai Perkhidmatan

Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024 dikeluarkan pada **26 Februari 2024**

Penyelenggaraan dan Pembaikan:

Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan telah dimasukkan sebagai perkhidmatan baru yang dikenakan cukai di bawah Kumpulan G dalam Jadual Pertama STR 2018. Perkhidmatan Bercukai baru ini termasuk pengurusan penyelenggaraan, penyelenggaraan pembetulan, penyelenggaraan pencegahan, kalibrasi, penyesuaian, penyelarasan, konfigurasi semula atau penambahbaikan tetapi tidak termasuk yang berikut:

- perkhidmatan pengurusan penyelenggaraan yang berkaitan dengan tanah atau bangunan untuk kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, korporat pengurusan atau persatuan kediaman
- perkhidmatan pembaikan pada bangunan kediaman

Tindakan/Kemas Kini

1. Kenaikan kos cukai perkhidmatan dari 0% kepada 8% kerana buat masa ini penyelenggaraan korektif yang disediakan oleh kontraktor rangkaian tidak dikenakan cukai perkhidmatan.
2. Kenaikan kos pembelian bagi penyelenggaraan korektif.
3. Komunikasi kepada Kontraktor Rangkaian:
 - Pengumuman mengenai perubahan status cukai telah dikeluarkan pada 3 Mei 2024:
 - ✓ Perkhidmatan yang Dikenakan Cukai
 - ✓ Pendaftaran dengan Pejabat Kastam
 - ✓ Kemas kini Kelulusan Pendaftaran ST dengan TM
 - Sesi taklimat kepada Kontraktor Rangkaian dijadualkan pada Mei 2024.

Rujukan Kastam:

1. Panduan Umum Cukai Perkhidmatan 2018 &
2. Panduan Perkhidmatan Penyelenggaraan atau Pembaikan sehingga 29 Mac 2024


<https://mysst.customs.gov.my/GeneralGuide>

Maintenance management, corrective maintenance, preventive maintenance, calibration, adjustment, recondition, reconfigure or overhaul

PANDUAN PERALIHAN BAGI PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN KEPADA 8%

Senario 1: Penyediaan Perkhidmatan Bercukai dan Pembayaran Penuh sebelum Tarikh Berkuat Kuasa


Jika perkhidmatan bercukai disediakan oleh pembekal dan dibayar sepenuhnya sebelum 1 Mac 2024, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada kadar cukai lama sebanyak 6%, seperti di dalam **Rajah 1** di bawah:



Rajah 1

Senario 2: Penyediaan Perkhidmatan Bercukai sebelum Tarikh Berkuat Kuasa dan Pembayaran Penuh selepas Tarikh Berkuat Kuasa

Jika perkhidmatan bercukai disediakan oleh pembekal semasa atau selepas 1 Mac 2024 dan bayaran penuh diterima selepas 1 Mac 2024, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada kadar cukai lama sebanyak 6%, seperti di dalam **Rajah 2** di bawah:




Rajah 2

PANDUAN PERALIHAN BAGI PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN KEPADA 8%

Senario 3: Penyediaan Perkhidmatan Bercukai sebelum Tarikh Berkuat Kuasa dan Pembayaran Separa sebelum dan selepas Tarikh Berkuat Kuasa


Jika perkhidmatan bercukai disediakan oleh pembekal sebelum 1 Mac 2024 dan bayaran separa dibuat sebelum 1 Mac 2024 dan selepas 1 Mac 2024, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada kadar cukai lama sebanyak 6%, seperti di dalam **Rajah 3** di bawah:



Rajah 3

Senario 4: Pembayaran Penuh Diterima sebelum Tarikh Berkuat Kuasa untuk Penyediaan Perkhidmatan Semasa atau Selepas Tarikh Berkuat Kuasa

Jika bayaran diterima sebelum tarikh kuat kuasa untuk penyediaan perkhidmatan bercukai yang akan disediakan pada atau selepas tarikh kuat kuasa, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada kadar cukai lama sebanyak 6% atas bayaran yang diterima.




Rajah 4

PANDUAN PERALIHAN BAGI PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN KEPADA 8%


Senario 5: Penyediaan Perkhidmatan Bercukai Semasa atau Sebelum Tarikh Berkuat Kuasa

Jika perkhidmatan bercukai disediakan oleh pembekal sebelum 1 Mac 2024 dan bayaran penuh dibuat selepas 1 Mac 2024, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada kadar cukai baru sebanyak 8%, seperti di dalam **Rajah 5** di bawah:



Senario 6: Penyediaan Perkhidmatan Bercukai Semasa atau Sebelum Tarikh Berkuat Kuasa dan Pembayaran Separa sebelum dan selepas Tarikh Berkuat Kuasa

Jika perkhidmatan bercukai disediakan oleh pembekal selepas 1 Mac 2024 dan bayaran separa dibuat sebelum 1 Mac 2024 dan selepas 1 Mac 2024, cukai perkhidmatan akan dikenakan secara berkadar seperti di dalam **Rajah 6** di bawah.



PANDUAN PERALIHAN BAGI PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN KEPADA 8%

Senario 7: Penyediaan Perkhidmatan Bercukai Meliputi Sebelum dan Selepas Tarikh Kuat Kuasa.

Jika perkhidmatan bercukai disediakan oleh pembekal sebelum tarikh kuat kuasa dan meliputi semasa atau selepas tarikh kuat kuasa.

